

*Lebih ramai lulusan baru Institut Teknologi Singapura (SIT) mendapat pekerjaan sepenuh masa tahun lalu, sedang ekonomi Singapura meningkatkan momentumnya semula. Malah, gaji permulaan mereka melebihi paras pra-Covid-19. Sebanyak 86 peratus kohort lulusan tahun lalu mendapat pekerjaan tetap sepenuh masa, meningkat daripada 69.8 peratus bagi kohort 2020. Secara keseluruhan, 95.6 peratus kohort 2021 mendapat pekerjaan, termasuk pekerjaan sambilan, dalam enam bulan lepas menerima ijazah, sama seperti kohort 2020. **BERITA HARIAN** memaparkan pengalaman dua lulusan SIT.*

Berpeluang belajar, kembang kemahiran di bawah program kerja sambil belajar

SEJAK di politeknik, Cik Nur Safarah Zaharudin terpesona pada bangunan dan menanamkan hasrat memainkan peranan memberi nafas baru kepada struktur bangunan lama supaya lebih mampan.

Kini, berbekal ijazah sarjana muda kejuruteraan infrastruktur (perkhidmatan bangunan) dengan kepujian tertinggi daripada Institut Teknologi Singapura (SIT), Cik Safarah menjadi seorang jurutera di jabatan perkhidmatan kemudahan AlfaTech Asia.

Beliau menyertai AlfaTech Asia Januari tahun lalu lepas selesai menjalani Program Kerja Sambil Belajar Bersepadu (IWSP), yang ditawarkan SIT, di syarikat itu.

“Saya amat menghargai pengalaman pendidikan oleh SIT yang holistik dan praktikal, terutama tempoh perantisan selama 12 bulan dengan AlfaTech Asia. Ia menyediakan banyak peluang pembelajaran dan membolehkan saya mengembangkan kemahiran saya.

“Oleh kerana tempoh latihan itu setahun, saya dapat mengendalikan projek-projek daripada mula hingga selesai,” kata Cik Safarah kepada *Berita Harian* baru-baru ini.

Menurut Cik Safarah, 25 tahun, beliau dianggap sebagai pekerja sepenuh masa oleh majikannya walaupun beliau hanya seorang pelajar waktu itu.

“Pada bulan pertama saya sebagai pelatih, bos saya menyuruh saya menghadiri mesyuarat tanpanya dan saya harus berkomunikasi dengan klien... Sudah tentu ia amat menantang pada mulanya, tetapi dengan peluang yang diberi itu, saya dapat belajar lebih mendalam dan lebih cepat,” kata anak kedua daripada tiga adik-beradik itu.

Cik Safarah menambah bahawa beliau juga terlibat dalam projek



HARGAI PELUANG: Cik Nur Safarah Zaharudin amat menghargai pengalaman yang ditimba ketika menjalani Program Bekerja Sambil Belajar Bersepadu (IWSP) di AlfaTech Asia. – Foto ALFATECH ASIA

pengurusan dan pengurusan kemudahan di mana beliau membantu memperbaharui sebuah pusat data.

Walaupun pada masa itu masih terdapat sekatan Covid-19, Cik Safarah bekerja rapat dengan majikannya bagi membantu memulakan tapak pengurusan kemudahan itu.

Bagi projek tahun akhirnya di SIT, beliau bekerjasama dengan AlfaTech Asia untuk menilai keberkesanan sistem pengudaraan pasif.

Ini membolehkannya menunjukkan kemahiran teknikalnya dalam bidang seperti mekanikal, sistem elektrik dan paip.

Selain itu, ia menyerlahkan kebo-

lehannya dalam perancangan projek dan pengurusan klien serta vendor dalam masa setahun sahaja.

Cik Safarah ditawarkan pekerjaan sepenuh masa oleh AlfaTech Asia dan mula bekerja sebagai jurutera perkhidmatan kemudahan.

Beliau kini bertugas di tapak kemudahan bangunan farmaseutikal.

“Kami harus memastikan kerja penyelenggaraan dijalankan selang beberapa bulan. Antara lain, kami harus menyemak jika sistem bangunan semuanya berjalan dengan lancar.

“Jika terdapat sistem rosak, pengeluaran produk terjejas. Oleh itu, peralatan seperti kompressor, dan-

dang (yang membolehkan bahan api dioksidakan untuk menjana tenaga haba) dan sebagainya harus beroperasi sepanjang 24 jam untuk memastikan pengeluaran produk berjalan dengan lancar,” ujar beliau mengenai pekerjaannya.

Apabila ditanya tentang rancangannya pada masa depan, Cik Safarah berkata:

“Saya ingin mengasah kemahiran teknikal saya dalam sistem bangunan dan saya harap saya dapat menguruskan sebuah pasukan satu hari nanti.

“Mungkin juga satu hari nanti saya ingin melanjutkan pelajaran dan meraih ijazah sarjana.”